

12 DEC 1997

TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE AKHIRI LAWATAN KE KEDAH

LANGKAWI, 12 Dis (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Ahmad Zaidi Aduce Muhammad Noor menghabiskan masa kira-kira dua jam melawat kampung buku Malaysia di Lubuk Sembilang, Ulu Melaka, di sini, hari ini.

Beliau dan isteri Toh Puan Hajah Rosmiati diiringi Raja Muda Kedah dan Raja Puan Muda melawat sekitar kampung itu yang mengandungi enam bangunan berbentuk rumah Melayu yang menempatkan enam penerbit dan pembekal buku terkemuka.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid turut mengiringi beliau.

Kampung buku itu merupakan yang pertama di Asia Tenggara dan yang ke-12 di dunia.

Semasa di sini rombongan itu melawat tempat bersejarah dan menarik termasuk Galeria Perdana yang menempatkan koleksi barangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Taman Lagenda Langkawi.

Rombongan itu berlepas ke Alor Setar petang ini dengan feri sebelum pulang ke Sarawak bagi mengakhiri lawatan tiga hari ke Kedah. -- BERNAMA
ZI oba